

72

### SOALAN NO: 33

ini, TM telah memeterai perjanjian persefahaman (MoU) dengan Tenaga Nasional Berhad (TNB) untuk membangunkan dan melaksanakan Pelan Fiber Seluruh Negara (NFP). MoU ini dijangka memacu capaian rangkaian jalur lebar gentian optik di Malaysia. Semasa Bajet 2017, YAB Perdana Menteri telah mengumumkan bahawa kelajuan jalur lebar talian tetap akan digandakan pada harga yang sama. Setakat ini, TM telah melaksanakan naik taraf kelajuan jalur lebar untuk perkhidmatan Unifi dan Streamyx.

Pakej jalur lebar berkelajuan tinggi yang ditawarkan oleh pemberi perkhidmatan di Malaysia bermula dari 10Mbps sehingga 500Mbps.

Menurut petunjuk yang dikeluarkan oleh *International Telecommunication Union* (ITU), Index Pembangunan ICT (IDI) 2017, kedudukan Malaysia adalah di tangga 63 di kalangan 176 negara.